



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com


Triniti 9 - 28 Julai 2024

Doa Hari Ini

Bapa segala bangsa, yang memberi Anak-Mu yang tunggal untuk mengambil rupa seorang hamba dan taat setia bahkan sampai mati di atas kayu salib; berilah kami fikiran yang sama dengan fikiran di dalam Yesus Kristus, supaya dengan mengambil bahagian dalam kerendahan-Nya, kami akan bersama-sama dengan Dia dalam kemuliaan-Nya, yang hidup dan memerintah dengan Engkau dan Roh Kudus, satu, sekarang dan selamanya. Amin.

Injil - Yohanes 6:1-14

Pembacaan Berbalas-balas -
1 Raja-raja 19:1-18



Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: <https://www.youtube.com/@christchurchlikasstreams>

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. MISI RAKAN GEREJA

Lawatan ke Misi St. Augustine, Sook amat bermakna dan menyeronokkan. Sambil-sambil jalankan misi, sepasukan 12 utusan termasuk Rektor kita, juga ingin bertemu dengan penginjil mereka di sana, iaitu saudara Wellson Witie yang ditaja oleh Christ Church Likas. Kami mungkin akan melawat semula misi daerah Sook dengan pasukan perubatan pada akhir tahun ini.



2. TEROKAI KRISTIANITI

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan Yesus menerusi Injil Markus, diteruskan hari ini: BC - 10:00 pagi; BI - 12:00 tengah hari; dan, BM - 2:00 petang. Semua sesi dijalankan di Dewan Alpha. Makan tengahari disediakan. Alamilah sebuah pengalaman pembelajaran yang baik. Kenalilah beberapa rakan baru.


Topik hari ini: 'Mengapa Yesus Mati?'.



3. 'ALLAH ELIA'

Siri khutbah kita diteruskan:

- 14 Jul - Dia : 1 Raja 17 (Kerit & Sarfat)
- 21 Jul - Dia mendedahkan - 1 Raja 18b (Gunung Karmel)
- **28 Jul - Dia mencabar - 1 Raja 19 (Gunung Horeb)**
- 4 Ogos - Misi Sedunia (pengkhutbah jemputan)
- 11 Ogos - Dia memberi pembalasan - 1 Raja 21 (kebun angur Nabot)
- 18 Ogos - Minggu Penetapan
- 25 Ogos - Dia menghakimi - 2 Raja 1 (penyembahan berhala Ahazia)
- 1 Sep - Dia memerintah - 2 Raja 2 (Kenaikan Elia)



4. MINGGU PENETAPAN - 18 Ogos.

Kebaktian Penetapan akan dijalankan oleh Bisyop Melter Tais di Kebaktian berikut:

- 9:30 pg - Kebaktian BI. Calon-calon Penetapan dari BC & BI akan ditetapkan dalam kebaktian ini.

- 11:30 pg - Kebaktian BM; bagi calon-calon penetapan BM.

5. KEGIATAN DALAM DIOISIS

- 15-17 Sep - **Konferensi Doa 'Penerobosan'**, dalam BC & BI, di Katedral All Saints. Sila mendaftar. Yuran RM150/- seorang; termasuk makan. 100 pendaftar 'terawal' sebelum 31 Julai, akan mendapat subsidi RM50/- dari gereja.
- 16-18 Sep - **Latihan Pemimpin Awam (LPA)**, dalam BM, di Telupid. Sila rujuk maklumat tersedia.
- 19-21 Sep - **Khemah Muda-mudi** BM, di Telupid. Sila rujuk maklumat tersedia.



6. SINOD 2024

Sinod akan diadakan pada 27-30 Ogos. Sinod ialah badan pentadbiran tertinggi dalam Dioisis kita. Pada Sinod kali ini, kita akan diwakili oleh:

- Dewan Paderi - Rektor, Rev. Samuel Sampe
- Dewan Awam - Ps. Margaret Chong, Ps. Andriano Bronio dan Andy Lee

7. PROJEK LABUR - terima-kasih!!

Terkini: RM109,440/- Minggu lepas: RM10,735/- Masih diperlukan: RM490,560/-

8. PELAYANAN-PELAYANAN YANG LAIN

- 3 Ogos, Sabtu - **Seminar MA63** - Dewan Alpha, 9:30 pg. Penceramah: Datuk Roger Chin.
- **Gubahan bunga** untuk hari ini disumbangkan oleh En. Robert Cheng & isteri, sebagai tanda ucapan syukur atas ulang tahun perkahwinan mereka yang ke-30.
- Pemberitahuan Perkahwinan yang pertama di antara Syahbir Karolus & Priscilla Johan@John (jemaat BM).

9. TAKZIAH

Turut berduka cita untuk keluarga mendiang Pn. Thien Piang Kiau, 88, yang telah meninggal dunia pada Rabu lepas, 24 Julai. Bersyukur kepada Allah atas kesetiaannya kepada Tuhan; dan berdoa untuk Chong Thiam Siew, Annie, Fundy, serta keluarga yang lain.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Allah Elia - 1 Raja-Raja 19:1-18

Dia Mencabar

Untuk renungan:

Kekecewaan Elia - 1 Raja-raja 19:4

Tetapi ia sendiri masuk ke padang gurun sehari perjalanan jauhnya, lalu duduk di bawah sebuah pohon ara. Kemudian ia ingin mati, katanya: "Cukuplah itu! Sekarang, ya TUHAN, ambillah nyawaku, sebab aku ini tidak lebih baik dari pada nenek moyangku." (Elia kecewa sudah melakukan mujizat didepan bangsa Israel, tetapi mereka tetap mahu bertaubat dan bahkan mahu membunuh Elia)

Mari kita melihat bagaimana Allah memulihkan Elia.

1. Allah Memulihkan Elia - 1 Raja-raja 19:6-7

Ketika ia melihat sekitarnya, maka pada sebelah kepalanya ada roti bakar, dan sebuah kendi berisi air. Lalu ia makan dan minum, kemudian berbaring pula. Tetapi malaikat TUHAN datang untuk kedua kalinya dan menyentuh dia serta berkata: "Bangunlah, makanlah! Sebab kalau tidak, perjalananmu nanti terlalu jauh bagimu."

2. Allah Mencabar Elia

A. Mengurapi Raja Aram - 1 Raja-raja 19:15

Firman TUHAN kepadanya: "Pergilah, kembalilah ke jalanmu, melalui padang gurun ke Damsyik, dan setelah engkau sampai, engkau harus mengurapi Hazael menjadi raja atas Aram.

B. Mengurapi Raja Israel - 1 Raja-raja 19:16a

Juga Yehu, cucu Nimsi, haruslah kauurapi menjadi raja atas Israel.

C. Mengurapi Nabi Elisa - 1 Raja-raja 19:16b

Dan Elisa bin Safat, dari Abel-Mehola, harus kauurapi menjadi nabi menggantikan engkau.

UNTUK DIDOA KAN

Negara kita yang tercinta

- untuk Yang Di-Pertuan Agong, Raja-Raja, Gabenor, Perdana Menteri dan Anggota kabinet

[untuk hikmat, kekuatan, keberanian dan kesihatan baik dalam berkhidmat kepada rakyat]

Masyarakat kita yang dikasih

- untuk perlindungan Tuhan ke atas kanak-kanak dan remaja kita daripada segala bahaya

[agar pihak berkuasa dan orang ramai dapat bekerjasama dalam membendung jenayah gangguan, buli, mencederakan, mengeksplorasi, atau penculikan]

Diri kita sendiri

- agar kita siap sedia sepenuhnya menghadapi peperangan rohani [berdoalah agar kita dapat teguh dalam iman]

- berdoa untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.